

Terus jumpa majikan

UPM ubah pendekatan ekspo kerjaya

>>Oleh **Maiamalina
Mohamed Amin**

maiamalina@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Tiada lagi ceramah kerjaya mahupun kursus tertentu, sebaliknya bakal graduan diberi peluang bersemuka terus dengan pihak industri untuk bertanya dan mendapatkan maklumat mengenai jawatan dipohon mereka.

Itu pendekatan yang digunakan Pusat Penempatan Kerjaya (CPC), Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi membolehkan bakal graduan mereka menggali dan membina skil kemahiran sendiri mengikut apa yang dikehendaki pasaran.

Pengarahnya, Dr Che An Abdul Ghani berkata, menerusi Ekspo Kerjaya 2012 yang berakhir semalam, pihaknya berusaha menyediakan tapak untuk 4,500 bakal graduan sarjana muda UPM mengenali majikan dengan cara lebih dekat.

"Tahun ini adalah tahun kedua kami anjurkan ekspo kerjaya dan lebih mengutamakan pameran kerjaya serta sesi temu duga bersemuka, malah bakal graduan boleh bertanya sendiri

kepada syarikat apa yang mereka perlukan sebagai persiapan bekerja.

"Sebanyak 50 syarikat dan agensi ternama mengambil bahagian, termasuk Maybank, Nestle dan PWC yang berminat berkongsi maklumat dengan bakal graduan.

"Ia sangat membantu ditambah ada klinik resume kendalian Jabatan Tenaga Kerja. Sekurang-kurangnya jika bakal graduan tak memperoleh pekerjaan hari ini, mereka boleh belajar apa soalan terbaik ditanya," katanya, semalam.

Dr Che An berkata, pihaknya turut berharap lebih ramai graduan memperoleh pekerjaan hasil ekspo terbabit mengatasi pencapaian tahun lalu yang mana 150 graduan menerima tawaran, berbanding lebih 300 peluang pekerjaan yang dibuka.

Sementara itu, pelajar tahun akhir Sarjana Kejuruteraan Persekitaran, UPM, Rabiatul Adawiyah Danial, 26, berkata, banyak manfaat diperoleh menerusi pameran kerjaya itu dan paling utama membolehkan dia membuat pilihan syarikat terbaik.